

04/09/1997

Tung mahu pertingkat dagangan

KUALA LUMPUR, Rabu - Ketua Eksekutif Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong, Tung Chee Hwa, hari ini berkata bekas jajahan British itu berharap untuk mengukuhkan hubungan perdagangan dengan Malaysia dan anggota Asean lain.

"Ia adalah hubungan penting yang kita ingin perkukuhkan," katanya kepada pemberita selepas mengunjungi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri.

Beliau tiba hari ini untuk lawatan kerja dua hari. Sebelum itu, beliau menemui Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Tung berkata, perdagangan antara Hong Kong dan Malaysia berkembang 25 peratus setahun, manakala perdagangan dengan negara-negara Asean berkembang pada 21 peratus sejak lima tahun lalu.

Katanya, Malaysia dipilih sebagai destinasi pertama lawatan luar negaranya sejak memegang jawatan itu kerana negara ini adalah pengerusi semasa Asean.

Beliau juga berkata perbincangannya dengan Dr Mahathir dan Anwar amat berguna.

Tung berkata, beliau menjelaskan kepada Perdana Menteri mengenai peralihan di Hong Kong sejak ianya diserahkan semula kepada China pada 1 Julai lalu.

"Ia (peralihan) berjalan lancar dan ketiga-tiga cabang kerajaan (iaitu) eksekutif, perundangan dan kehakiman, berjalan dengan baik dan kami sedang bergerak dengan yakin dan bangga," katanya.

(END)